

STATISTIK KERATAN AKHBAR JUN 2022

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	PM LUANG MASA 30 MINIT BERSAMA WARGA KPT	HARIAN METRO MS 17	01-Jun-22	KPT
2	UA DIMINTA NILAI SEMULA KESELAMATAN FASILITI KAMPUS	BERITA HARIAN MS 08	01-Jun-22	KPT
3	GRADUAN BERGELUT CARI KERJA TETAP	UTUSAN MALAYSIA MS 04	01-Jun-22	KPT
4	MEMBUDAYAKAN INTEGRITI PENYELESAIAN RASUAH	BERITA HARIAN MS 11	03/06/2022	SEMASA
5	USM, PERKESO METERAI MoA REHABILITASI	SINAR HARIAN MS 27	05-Jun-22	KPT
6	PERISAI KEDAULATAN UDARA	METRO AHAD MS 24&25	05-Jun-22	RENCANA
7	SENARAI NAMA – NAMA YANG DIPERTUAN AGONG	SINAR HARIAN MS 26	06-Jun-22	RENCANA
8	BIODATA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI DAN RAJA PERMAISURI AGONG	SINAR HARIAN MS 27	06-Jun-22	RENCANA
9	PERANAN IPT DALAM SEKURITI MAKANAN	SINAR HARIAN MS 17	07-Jun-22	KPT
10	KURSUS INTEGRITI DI IPT DIDIK BELIA BENCI RASUAH	SINAR HARIAN MS 13	07-Jun-22	KPT
11	UM KEKAL ANTARA 100 UNIVERSITI TERBAIK DUNIA	BERITA HARIAN MS 18	10-Jun-22	KPT
12	PLAN MALAYSIA GARIS PENGURUSAN RISIKO GEOBENCANA KAWASAN PANTAI	UTUSAN MALAYSIA MS 05	14-Jun-22	RENCANA
13	MANFAATKAN DATA PERKASA PENYAMPAIAN KHIDMAT KERAJAAN	BERITA HARIAN MS 10	17-Jun-22	RENCANA
14	SUBURKAN MINAT KEUSAHAWANAN GRADUAN	BERITA HARIAN MS 11	17-Jun-22	KPT
15	PROGRAM DERMASISWA TVET UNTUK PELAJAR B40	BERITA HARIAN MS 02	21/06/2022	KPT
16	GEMBLENG WARGA AKADEMIK MARTABAT BAHASA MELAYU	BERITA HARIAN MS 13	21/06/2022	KPT
17	TVET SCHOLARSHIP PROGRAMME FOR B40	NEW STRAITS TIMES MS 02	21-Jun-22	KPT
18	MAKING TVET THE TOP CHOICE	THE STAR MS 02	21-Jun-22	KPT

TAJUK: MAKING TVET THE TOP CHOICE

SUMBER: THE STAR MUKA SURAT : 02

TARIKH : 21/06/2022

The Star
21/6/2022

m/s 2

Making TVET the top choice

PM says 80% of government TVET providers offer programmes for free

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

SHAH ALAM: The government will lay out RM36.41mil to sponsor 1,000 students from the B40 category pursuing technical and vocational education and training (TVET).

The initiative comes under the newly-formulated Program Derma-siswa B40 TVET.

In announcing this yesterday, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob said: "I am certain this programme will offer Malaysian families – especially those from the B40 category – more access to education at a higher level to build careers with TVET," he added.

In his National TVET Week 2022 speech at Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, the Prime Minister also said the government had various programmes to

provide a wide range of educational opportunities, including sponsorship programmes.

"Several sponsorship strategies have been implemented such as study loans, convertible loans, sponsorship, scholarship and financial aid," he added.

According to Ismail Sabri, the government's commitment to TVET was underlined by the fact that 80% of public TVET providers offered free programmes, with costs borne by the federal administration.

"From 2019-2021 a total of 171,412 TVET programmes at a diploma and undergraduate level were offered," he added.

Public awareness of jobs in the TVET sector, which required specific skills and offered high income, has increased but still needs to reach the target level, he admitted.

He added that to strengthen

TVET, branding and reputation must be more specific and holistic.

Given this, Ismail Sabri said there must be a paradigm shift to improve the perception of TVET with support from parents, the youth and industries.

"There are many social media platforms that can be used to promote TVET, such as highlighting the success of TVET graduates.

"I urge industries to be strategic partners by promoting TVET, highlighting job opportunities and allowing students to visit (the workplaces)," he added.

He said this would increase the pull factor and make TVET the main conduit for creating highly skilled talent like in developed countries, adding that the number of students in the vocational stream was very high there.

"In Germany, for instance, TVET

is considered part of mainstream education, with 70% of its students entering the vocational stream.

"The same scenario is also found in developed Asian countries such as South Korea which managed to rise quickly to become an economic power due to the strength of its education system, including TVET."

Ismail Sabri said TVET has also been identified as one of the 14 thrusts for change in the 12th Malaysia Plan (2021-2025).

"I wish to see at least 55% of Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) school leavers pursuing TVET by 2025," said Ismail Sabri.

He said that the accreditation and certification of TVET programmes must be improved to achieve this.

He added that exposure to these programmes must also be carried out from an early age so that children will be more aware of the

career potential.

Ismail Sabri also proclaimed June 2 as National TVET Day.

Higher Education Minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad said in her speech earlier that there were 1,295 TVET institutions and providers in Malaysia made up of 640 public institutions under 11 ministries, 22 state government institutions and 633 private providers.

Also present at the event were Human Resources Minister Datuk Seri M. Saravanan, Education Minister Datuk Radzi Jidin, Rural Development Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid, and Youth and Sports Minister Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

Watch the video
TheStarTV.com



Newstraits time

21/06/2022

M/S 2

TUESDAY, JUNE 21, 2022 • NewStraitsTimes

NEWS / Nation



Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob launching the National TVET Week 2022 in Shah Alam yesterday. With him is Higher Education Minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad. PIC BY ASYRAF HAMZAH

NATIONAL TVET DAY ON JUNE 2

TVET SCHOLARSHIP PROGRAMME FOR B40

RM36.41 million allocated for every intake to encourage uptake of vocational courses, says PM

ADIB POVERA
SHAH ALAM
news@nst.com.my

THE government yesterday announced the Dermasiswa B40 TVET (B40 TVET Scholarship) programme for students of the bottom 40 (B40) income families to pursue tertiary education in technical vocational education and training (TVET) at local public higher learning institutions.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the government would set aside RM36.41 million for every intake.

The first intake under the programme, Ismail Sabri said, would involve 1,000 students and it aimed to increase the number of those pursuing TVET.

"I am confident the programme will provide the children of Keluarga Malaysia, especially those from B40 households, greater access to education and develop their career in TVET. *Insha-Allah* (God willing)," he said at the launch of the National TVET Week 2022 at the Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Polytechnic in Shah Alam near here.

Present were Higher Education

Minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad and Human Resources Minister Datuk Seri M. Saravanan. Together in attendance was Media Prima Bhd group chairman Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid.

Ismail Sabri also said he wanted to see an improvement in the accreditation, recognition and certification of TVET programmes to achieve the government's target set out under the 12th Malaysia Plan (12MP).

He said under the 12MP, the government was targeting to get at least 55 per cent of Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) school leavers to pursue tertiary education in TVET-related programmes by 2025.

Ismail Sabri also highlighted the need for exposure to TVET at an early age to generate interest and awareness on the opportunities in pursuing TVET careers.

"The government has implemented several interventions to provide greater education opportunities for Keluarga Malaysia, including *Program Penajaan Pendidikan* (Education Sponsorship Programme).

"Generally, there are a number of education sponsorship strategies including loans, scholarships and financial assistance."

He said the government was committed towards developing TVET in the country. This was reflected through the high amount of financing borne by the government, where 80 per cent of public TVET institutions in the country were offering their programmes for free.

He added that 171,412 TVET programmes were offered at diploma and degree levels from 2019 until last year.

The prime minister also announced June 2 as National TVET Day.

He said this was to acknowledge those who contributed towards the development of TVET in the country.

The date, he said, was picked in conjunction with the establishment of the Ungku Omar Polytechnic in 1969, which was the earliest education institution to provide TVET education.

"We should celebrate National TVET Day to recognise the contributions by those involved in TVET-related matters," he said.

The TVET Empowerment Agenda by the National TVET Council, he said, had outlined several high-impact strategies and initiatives to strengthen the country's TVET education.

Among them were the TVET Collaboration Hub and the establishment of the Government-Industry TVET Coordination Body or GITC.

"Another historical moment today was the launch of the National TVET Rebranding Plan, which includes the National TVET Week celebration.

"I was told that this year's National TVET Week celebration started on Saturday and the people had benefited from programmes such as seminars and forums involving several ministries, TVET providers in the public and private sectors, as well as industry players," he said.

Newstraits time

21/6/2022

Program Dermasiswa TVET untuk pelajar B40

Pengambilan pertama babit 1,000 mahasiswa dengan jangkaan kos RM36.41 juta

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Latifah Atifin
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan bersetuju melaksanakan Program Dermasiswa B40 Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), khusus untuk pelajar daripada keluarga B40 dengan pengambilan pertama membabitkan 1,000 orang, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, program itu disediakan untuk pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang TVET di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seliaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Pengambilan pertama akan membabitkan 1,000 pelajar dan kerajaan menjangkakan program ini membabitkan implikasi kewangan berjumlah RM36.41 juta bagi setiap pengambilan.

"Saya yakin, program ini menawarkan lebih banyak peluang kepada anak Keluarga Malaysia, terutamanya daripada kumpulan B40 mendapat akses pendidikan di peringkat lebih tinggi, seterusnya membina kerjaya dalam bidang TVET," katanya berucap menyempurnakan Majlis Perasmian Minggu TVET Negara 2022, di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan dan Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunied.

Ismail Sabri berkata, beliau mahu melihat sekurang-kurangnya 55 peratus lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pengajian dalam program TVET menjelang 2025, seperti yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Sehubungan itu, katanya, aspek akreditasi, pengiktirafan dan pensijilan program TVET harus ditambah baik dengan pendedahan perlu dilaksanakan seawal usia muda supaya mereka lebih celik mengenai potensi laluan kerjaya TVET.

"Bilangan pelajar aliran vokasional dan teknikal di negara



Ismail Sabri melancarkan Buku Penjenamaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) pada Majlis Perasmian Minggu TVET Negara (MTN) di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

maju adalah tinggi. Di Jerman misalnya, TVET dianggap antara satu sistem pendidikan utama, sehingga 70 peratus pelajaranya memasuki aliran vokasional. Senario ini juga terdapat di negara maju di Asia seperti Korea Selatan yang berjaya bangkit dengan pantas daripada kemusnahan perang untuk muncul sebagai kuasa besar ekonomi hasil pengukuhan pendidikannya termasuk bidang TVET," katanya.

Dengan menjadikan dua negara berkenaan sebagai contoh, beliau berkata, amat signifikan untuk kerajaan menetapkan TVET sebagai antara perkara yang perlu diberikan keutamaan bagi memacu pembangunan ekonomi negara.

"Justeru, pelbagai strategi digariskan termasuk menangani isu pertindihan dan merombak tadbir urus TVET, mempromosi jenamanya, selain meningkatkan kualiti program dan mewujudkan pangkalan data. Kerajaan turut memperkukuhkan penawaran program berorientasikan industri dan memperhebatkan pembabitan industri secara aktif

bagi menyediakan graduan yang menepati keperluan mereka," katanya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri menjelaskan, biarpun kesedaran orang ramai terhadap pekerjaan sektor TVET yang memerlukan kemahiran spesifik dan menawarkan sumber pendapatan tinggi sudah meningkat, tetapi belum mencapai tahap yang disasarkan.

"Dalam usaha memperkasakan TVET, penjenamaan dan reputasinya perlu dipertingkatkan dan ini memerlukan usaha lebih jitu bagi mengukuhkannya secara holistik. Justeru, anjakan paradigma mesti dilakukan bagi meningkatkan persepsi positif dengan sokongan ibu bapa, belia dan industri terhadap TVET," katanya.

Selain itu, Ismail Sabri juga turut mengisytiharkan tarikh 2 Jun sebagai Hari Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Negara.

Perdana Menteri berkata, pemilihan tarikh itu wajar disambut setiap tahun bagi menghargai sumbangan pelbagai pihak berkaitan TVET.

"Tarikh ini juga bersempena penubuhan Politeknik Ungku Omar, iaitu institusi penyedia TVET terawal negara sejak tahun 1969," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, agenda Pemerkasaan TVET yang diterajui Majlis TVET Negara (MTVET) menggariskan beberapa inisiatif yang berimpak besar dan strategik.

Katanya, antara yang berjaya direalisasikan ialah pewujudan Hab Kolaborasi TVET (TCH) dan penubuhan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri (GITC).

"Hari ini (semalam), satu lagi pencapaian bakal dicipta, iaitu pelancaran Pelan Penjenamaan TVET Nasional dan pengumuman Sambutan Minggu TVET Negara yang juga antara tindakan dalam Pelan Penjenamaan TVET Nasional.

"Saya difahamkan sambutan Minggu TVET Negara tahun ini bermula sejak Sabtu lalu dengan pengisian yang bermanfaat seperti seminar dan forum membabitkan pelbagai kementerian, penyedia TVET awam dan swasta serta pihak industri," katanya.

MTVET runtuh tembok 'silo' antara kementerian, agensi

Shah Alam: Ekosistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) negara ini sedang diperkukuhkan melalui tadbir urus yang lebih bersepadu menerusi Majlis TVET Negara (MTVET).

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata MTVET berjaya meruntuhkan tembok 'silo' di antara kementerian dan agensi penyedia TVET.

"Keseluruhannya, di Malaysia ada 1,295 buah institusi dan penyedia TVET. Ini merangkumi 640 institusi TVET awam di bawah seliaan 11 kementerian, 22

institusi TVET kerajaan negeri dan 633 penyedia TVET swasta.

"Sudah tentu, jumlah yang agak besar ini memerlukan tadbir urus yang bersepadu. Dalam hubungan ini, inisiatif penubuhan MTVET pada 18 Disember 2020 adalah keputusan bersifat breakthrough oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Minggu TVET Negara 2022 (MTN 2022), di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini, yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam.

Noraini berkata, KPT memberi tumpuan kepada enam agenda utama pemerkasaan TVET dengan antaranya membangunkan Pelan Penjenamaan TVET Negara.

Jelasnya, pelan ini penting untuk mengajak paradigma dan meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap TVET.

"Ada beberapa perkara dimasukkan dalam agenda ini, termasuklah memperkenalkan logo TVET Malaysia yang akan menjadi simbol kebersamaan semua kementerian penyedia TVET.

"Selain itu, slogan 'TVET Pilihan Utama Kerjaya' turut di-

pilih bagi memposisikan TVET di laluan pendidikan utama, sekali gus menjadikannya antara pilihan kerjaya yang direbut," katanya yang turut memberitahu buku "Penjenamaan TVET Negara" yang dilancarkan Perdana Menteri semalam adalah panduan kepada penyedia TVET dalam mempertingkatkan lagi penjenamaan di peringkat nasional serta global.

Mengulas mengenai pengumuman MTN 2022 yang julung kali diadakan dalam sejarah negara, katanya, ia bermatlamat meningkatkan keterlihatan bidang pendidikan TVET kepada setiap

lapisan masyarakat.

Acara berskala besar selama seminggu yang diadakan sejak 18 Jun lalu itu turut menjadi platform mengeratkan lagi jaringan kerjasama antara industri, masyarakat dan penyedia TVET melalui aktiviti seminar, pameran dan peluang kerjaya TVET.

Pada majlis sama, 10 alumni atau pelajar dalam bidang TVET yang mewakili setiap Kementerian Penyedia TVET turut diiktiraf sebagai Wira TVET Negara atas sumbangan masing-masing di peringkat nasional dan antarabangsa.

BH Selasa, 21 Jun 2022

MindaPembaca

13

Gembleng warga akademik martabat bahasa Melayu

Dr Ahmad Ismail
Presiden Kongres
Persatuan
Akademik
Malaysia (MAAC)

Usaha mendaulatkan bahasa Melayu sudah lama diperjuangkan pencinta bahasa, iaitu sejak sekitar 1930-an dan diteruskan selepas negara mencapai kemerdekaan.

Dasar penting negara seperti Penyata Razak (1956), Penyata Rahman Talib (1960), Perlembagaan 1957 dan Akta Bahasa 1963 menunjukkan perjuangan memartabatkan bahasa Melayu berterusan sehingga kini.

Bagaimanapun, kepentingan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat menurun. Hal ini mungkin disebabkan beberapa faktor seperti pengaruh media sosial, teknologi komunikasi, sistem pendidikan dan pelaksanaan dasar kerajaan.

Pembangunan industri dan teknologi maklumat (ICT) dunia mungkin terlampau cepat bagi Malaysia. Akibatnya penggunaan bahasa Inggeris menjadi tarikan utama masyarakat untuk tidak ketinggalan mengejar pembangunan ICT global.

Kerajaan juga menggalakkan penguasaan bahasa kompetitif untuk terus maju. Kuasa ekonomi dunia dan tempatan sudah tentu ingin bersaing pada peringkat global, tambahan pula Malaysia terletak di lokasi strategik.

Selain itu, Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum yang bebas menggunakan bahasa, budaya dan agama pilihan sendiri, sekali gus memberi cabaran dalam mendaulatkan bahasa Melayu. Justeru, pendekatan baharu lebih efektif perlu diperkenalkan. Perjuangan memartabatkan bahasa Me-

layu sebagai bahasa ilmu perlu dilaksanakan secara sistematik dan holistik.

Persoalan sekarang adalah sejauh mana pelaksanaan dasar memartabatkan bahasa Melayu benar-benar berlaku dan bagaimana pelaksanaan dasar itu dipantau. Hari ini, akibat tekanan untuk menguasai sains dan teknologi serta aspirasi mengantarabangsakan pendidikan negara, keperluan menguasai bahasa Inggeris sangat diperlukan. Justeru, usaha memartabatkan bahasa Melayu tidak boleh tertangguh lagi.

Sementara itu, sebagai negara mempunyai ma-

syarakat majmuk, bahasa menjadi ejen perpaduan dan kesejahteraan negara. Dari aspek ini, agensi pendidikan oleh memainkan peranan penting, manakala agensi lain perlu bekerjasama menjayakan usaha memartabatkan bahasa Melayu.

Segala bahan pengajaran dan pengukuhan bahasa Melayu seperti buku, modul dan penggunaan teknologi semasa perlu disediakan serta dipertingkatkan seiring arus pemodenan global.

Semua tenaga pendidik wajar digembleng dengan skim galakan dan insentif sesuai. Mengikut statistik terdapat hampir 30,000 pensyarah di universiti awam (UA) merangkumi mereka hampir 18,000 mempunyai kelayakan doktor falsafah (PhD) dan 12,000 sarjana. Malaysia juga mempunyai lebih 400,000 guru di sekolah. Jika mereka digembleng dengan baik, Malaysia mempunyai tenaga pakar mencukupi bagi menghasilkan sumber ilmu dalam berbagai bentuk dan tajuk.

Dalam hal ini, usaha menterjemah karya asing ke bahasa Melayu atau sebaliknya boleh dipertingkatkan. Sekiranya warga akademik ini dapat menghasilkan modul, makalah atau buku dalam setahun, negara bakal mempunyai banyak bahan rujukan atau bantuan mengajar dalam bahasa Melayu.

Berdasarkan kesungguhan yang ada, negara mampu memperkasakan dan mengantarabangsakan bahasa Melayu menerusi infrastruktur sistematik.



Bahan pengajaran dan pengukuhan bahasa Melayu perlu dipertingkatkan seiring arus pemodenan global. (Foto hiasan)

Suburkan minat keusahawanan graduan



Pensyarah
Jabatan Pengurusan
Perniagaan,
Kolej Profesional
MARA Beranang

Oleh Dr Sharul Azlan Maulod
bhrencana@bh.com.my

Keusahawanan sering diungkapkan sebagai menjalankan perniagaan untuk keuntungan. Namun, keusahawanan bukan semata-mata bermatlamatkan keuntungan.

Ada banyak proses perlu dilalui dalam menempuhi liku keusahawanan kerana membabitkan proses secara langsung dan tidak langsung.

Proses secara langsung dalam keusahawanan seperti pengurusan modal yang cekap, pemasaran tepat, produk atau perkhidmatan sentiasa mendapat tempat di hati pelanggan dan strategi berterusan.

Proses tidak langsung dalam keusahawanan pula seperti menganalisis persekitaran perniagaan, peka terhadap isu global mempengaruhi perniagaan, persaingan dalam perniagaan dan perubahan teknologi.

Oleh itu, mereka yang terbabit dalam keusahawanan harus mendepani proses dan cabaran ini dengan penuh keazaman serta motivasi tinggi.

Ramai usahawan tewas apabila berhadapan situasi tidak terurus dan akhirnya rebah dalam perniagaan. Bagi yang cekal, akan terus melakar kejayaan demi kejayaan diusahakan dalam perniagaan masing-masing.

Usahawan juga harus memiliki hati dan jiwa kental bagi meneruskan perniagaan mereka. Jatuh bangun dalam perniagaan adalah lumrah dalam perniagaan.

Syarikat terkemuka berusia lebih 100 tahun juga sentiasa mengemas kini tindakan dan tidak

duduk diam dalam memastikan perniagaan mereka kekal relevan.

Keusahawanan banyak mengajar erti sebenar kehidupan. Tidak semua benda atau perkara dalam dunia yang usahawan mahukan datang bergolek.

Semuanya bergantung kepada usaha sendiri. Sebagai contoh, jika seseorang ingin memiliki kereta mewah, maka usaha berlipat ganda perlu dilakukan dan tidak berpeluk tubuh menantikan 'bulan jatuh ke riba'.

Jika seseorang usahawan menginginkan keuntungan besar dalam perniagaan, ia menuntut pengorbanan yang bukan sedikit. Keuntungan diperoleh pada masa ini pula belum tentu menjamin keuntungan masa hadapan.

Maka, usahawan tidak boleh sekali-kali ber-



Graduan harus menimba sebanyak mungkin ilmu keusahawanan bagi memastikan mereka dapat kekal bersaing dalam perniagaan diceburi. (Foto hiasan)

puas hati dan berada dalam zon selesa selama-lamanya. Kegemilangan, kejayaan dan kekayaan dalam perniagaan sering dipaparkan dalam sosial media harus disyukuri dan dijadikan motivasi jika berminat menceburi bidang keusahawanan.

Namun, perkara itu bukan menjadi ukuran utama. Kelebihan menjadi usahawan harus dilihat dalam skop lebih besar antaranya menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan, peluang bersedekah lebih meluas dan kemampuan menyumbang kepada negara.

Oleh itu, graduan pada masa kini perlu merebut peluang menceburkan diri dalam keusahawanan. Memiliki kelulusan pengajian tinggi bukan lagi kriteria atau prasyarat bagi mendapat jawatan besar dalam organisasi.

Jika mengambil kira faktor pengangguran tinggi dan peluang pekerjaan semakin menguncup, graduan harus mengambil peluang menggunakan segala ilmu dan kemahiran yang ada jika mahu berkecimpung dalam bidang keusahawanan.

Sebagai contoh, graduan perubatan mampu membuka klinik, farmasi atau pusat rawatan kecantikan, manakala graduan pertanian berkebolehan menceburi bidang pertanian dan penterbangan.

Ada pelbagai bidang atau industri boleh diceburi graduan, tetapi harus terus menimba sebanyak mungkin ilmu berkaitan keusahawanan supaya bidang perniagaan diceburi sentiasa malar segar dan dapat memenuhi permintaan semasa.

Graduan perlu sedar pihak berwajib dan pelbagai institusi kewangan turut aktif membuka peluang bagi mereka menjalani kursus atau pinjaman perniagaan.

UM kekal antara 100 universiti terbaik dunia

Universiti Malaya berada di tempat ke-70 dalam QS World University Rankings 2023

Oleh Awatif Hasani
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Universiti Malaya (UM) mendahului institusi pendidikan di Malaysia dalam

Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2023 dan mengekalkan tempatnya dalam kalangan 100 universiti terbaik antarabangsa, untuk tahun kelima berturut-turut.

Berdasarkan laman QS Top University, kedudukan UM bagaimanapun jatuh lima anak tangga apabila berada di tempat ke-70 dalam QS World University Rankings 2023 yang dikeluarkan semalam.

Antara indikator penilaian yang diguna untuk menentukan markah ialah reputasi akademik, reputasi majikan, petikan setiap fakulti, nisbah pelajar fakulti,

rangkaian penyelidikan antara-bangsa dan hasil pekerjaan.

Sebanyak 24 institusi pengajian tinggi Malaysia direkodkan tersenarai tahun ini, dengan kebanyakannya meningkatkan kedudukan mereka.

Universiti Putra Malaysia melonjak daripada kedudukan 143 ke 123, iaitu lonjakan sebanyak 20 tangga, manakala Universiti Kebangsaan Malaysia melonjak dari 144 ke 129.

Universiti Sains Malaysia memperoleh empat mata daripada 147 kepada 143, tetapi kedudukan Universiti Teknologi Malaysia jatuh daripada 191 kepada 203.



Sementara itu, Taylor's University dinamakan universiti swasta nombor satu di Asia Tenggara untuk tiga tahun berturut-turut, menduduki tempat ke-284 keseluruhan daripada tempat ke-332 tahun lalu.

Universiti USCI naik daripada tempat ke-347 kepada tempat ke-284, dan Universiti Teknologi PETRONAS daripada tempat ke-414 kepada tempat ke-361.

Universiti Nasional Singapura (NUS) dinobatkan universiti terkemuka di Asia, diikuti Universiti Peking China dan Universiti Tsinghua dengan masing-masing berada di tempat ke-11, ke-12 dan ke-14 dalam ranking keseluruhan.

QS World University Rankings 2023 membabitkan penilaian ke atas 1,422 institusi, peningkatan daripada 1,300 institusi tahun lalu.

Kursus integriti di IPT didik belia benci rasuah

Sinar Harian Sabtu 7/6/2022 ms 13

Cetus kesedaran kepada mahasiswa berhubung kesan dan akibat perbuatan itu

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
SHAH ALAM

Persatuan mahasiswa berpandangan bahawa Kursus Integriti dan Antirasuah yang akan dilaksanakan di semua institusi pengajian tinggi (IPT) pada tahun depan mampu menjadikan golongan itu lebih cakna dengan isu rasuah di negara ini.

Naib Presiden Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Faizah Abdul Rahman berkata, pihaknya menyambut baik inisiatif Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang mewajibkan silibus tersebut di seluruh IPT.

Menurut beliau, kursus itu juga dapat memberikan pendedahan dan kesedaran kepada pelajar berhubung kesan serta akibat rasuah yang memudaratkan diri sendiri serta menemarkan imej negara.

"Ini kerana kurang pemahaman mengenai definisi dan bentuk rasuah yang hadir dalam pelbagai cara menyebabkan golongan belia mudah terjebak dengan jenayah tersebut tanpa mereka sedar," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Pada Sabtu lalu, Jawatankuasa



FAIZAH

MUHAMMAD IMAN

Khas Kabinet Mengenai Antirasuah telah memutuskan supaya Kursus Integriti dan Antirasuah diwajibkan di semua IPT bermula tahun depan.

Mengulas lanjut, Faizah berkata, rasuah itu hadir dalam bentuk wang ringgit, salah guna kuasa, kenaikan pangkat, pemberian hadiah, imbuhan dan sebagainya.

"Jenis dan bentuk rasuah kebanyakan berlaku dalam kalangan belia yang mempunyai jawatan atau kedudukan yang tinggi dalam organisasi seperti ketua jabatan, pemimpin masyarakat yang terlibat dalam proses membuat keputusan.

"Oleh itu, saya yakin jika inisiatif sebegini dilaksanakan bukan sahaja di peringkat pengajian tinggi tetapi juga perlu diwujudkan bermula di bangku sekolah lagi, agar jenayah rasuah dapat dibendung di semua peringkat golongan masyarakat di negara ini," tegasnya.

Dalam pada itu, Ahli Majlis Kerja

Pendidikan melalui kursus ini dilihat sebagai usaha yang baik untuk menyemai dan menyuburkan nilai untuk menolak jenayah kolar putih ini tanpa berkompromi."

Gerakan Mahasiswa Republican Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Muhammad Iman Azhar berkata, pelaksanaan kursus berkenaan merupakan satu langkah yang bijak kerana dapat mengelakkan pelajar daripada terjebak dengan tingkah laku memberi serta menerima rasuah.

"Pendidikan melalui kursus ini dilihat sebagai usaha yang baik untuk menyemai dan menyuburkan nilai untuk menolak jenayah kolar putih ini tanpa berkompromi.

"Melalui kursus ini, mahasiswa yang merupakan aset terpenting kepada negara kerana masa depan negara bakal dicorak dengan apa tindakan dan penghayatan mahasiswa hari ini.

"Justeru, kursus ini bakal menjadi sumber manusia yang memiliki nilai murni khususnya nilai integriti tinggi demi memastikan pembinaan tamadun Malaysia berjaya dilakukan oleh mereka yang bebas rasuah," ujarnya.

Peranan IPT dalam sekuriti makanan



PERSPEKTIF
DR HALIZA ABDUL RAHMAN

Di Malaysia, sektor pertanian dilihat masih penting dan berperanan membantu negara sebagai pembekal dan penjamin sekuriti makanan. Sektor ini juga sentiasa relevan sebagai sumber bahan mentah untuk pembangunan industri berasaskan pertanian.

Ternyata, sektor pertanian telah lama memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi Malaysia. Maka, negara melalui sektor tersebut perlu memperkemas dan menambah giat pelan perancangan sekuriti makanan jangka panjang bagi menampung keseluruhan keperluan dan permintaan rakyat.

Institusi pendidikan tinggi (IPT) seharusnya tidak ketinggalan berperanan penting dalam membantu negara mencapai hasrat tersebut. Malah, IPT perlu menggalas tanggungjawab lebih besar dalam membantu kerajaan merealisasikan isu sekuriti makanan disebabkan fungsi dan kelebihan sebagai insti-

tusi yang memfokus pembentukan modal insan serta pengembangan ilmu berteraskan pertanian.

IPT secara proaktif juga perlu menyesuaikan program pengajian, penyelidikan dan perkhidmatan profesional mereka agar segala aktiviti dilaksanakan relevan dan mengikut kehendak pasaran. Sebagai menara ilmu, IPT perlu menjadi jaguh dalam menterjemahkan isu sekuriti makanan demi kesejahteraan masyarakat dan negara.

Peranan IPT dalam membantu membekalkan modal insan yang dapat menerajui sektor pertanian negara dan global, menggariskan bidang penyelidikan dan inovasi yang dapat melonjakkan sektor pertanian, mencadangkan program perkhidmatan profesional yang dapat memanfaatkan sektor pertanian serta merancang sumber manusia, prasarana dan tadbir urus bagi mempercepat aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi serta perkhidmatan profesional telah diakui. Paling ketara, menawarkan pengajian pertanian di institusi masing-masing bertujuan memenuhi aspek permintaan sumber manusia mahir dan terlatih dalam sektor pertanian negara.

IPT boleh membantu usaha ini dengan memindahkan pengetahuan, kepakaran dan teknologi berkaitan pertanian kepada pihak berkepentingan

terutama petani dan peladang. Namun, pemindahan segala bentuk instrumen tersebut mestilah berteraskan teknologi terkini yang diguna pakai industri pertanian.

Di Malaysia, beberapa IPT telah menjadi pencetus inovasi dalam bidang pertanian selain mempunyai kemudahan pengajian pertanian seperti makmal dan ladang. Kebanyakan IPT turut menjadi rujukan sektor awam dan swasta, malah terdapat bilangan pelajar siswazah luar negara dalam bidang berkenaan mencerminkan kekuatan pengajian pertanian di Malaysia.

Pihak industri turut disaran berganding bahu bersama IPT dalam menyediakan prasarana dan ekosistem yang relevan serta lestari termasuk menyediakan pelaburan atau dana penyelidikan dalam sistem pertanian. Melalui kerjasama dua pihak tersebut, teknologi pertanian seperti nanoteknologi, robotik, automasi dan pertanian ketepatan dapat dikembangkan luas dalam meningkatkan keupayaan dan daya saing pengusaha sektor pertanian.

Universiti Putra Malaysia (UPM) antara IPT yang terkehadapan dengan menawarkan subjek berteraskan pertanian seawal tahun 1970-an. Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan UPM misalnya sangat aktif menjalankan penyelidikan pembangunan bagi meng-

hasilkan inovasi baharu dalam bidang sekuriti dan keselamatan makanan.

Institusi ini telah berjaya menghasilkan varieti padi baharu seperti Padi U Putra yang memberikan hasil padi 10 tan sehektar dan mempunyai daya ketahanan terhadap faktor persekitaran seperti banjir kilat dan penyakit karah padi. Penyelidik UPM juga berjaya menghasilkan formulasi makanan ayam bermutu tinggi daripada bahan sisa sawit yang mana hasil penyelidikan ini berupaya mengurangkan pergantungan yang tinggi negara dalam pengimportan makanan ayam bernilai lebih RM3 bilion setahun.

Akhirnya, IPT perlu melipat gandakan usaha bagi melahirkan lebih ramai 'tokoh tani' moden berteknologi tinggi kalangan generasi baharu belia termasuk mahasiswa kerana golongan ini sebahagiannya masih kurang minat serta mempunyai persepsi negatif.

Sektor pertanian dianggap sebagai bidang yang kurang berprestij, berpendapatan rendah serta kurang terjamin dari segi pendapatan menyebabkan berlaku kekurangan generasi pelapis dalam bidang ini.

** Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman ialah Ketua Laboratori Belia Dalam Kepimpinan, Politik dan Kewarganegaraan Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia.*

USM, Perkeso meterai MoA rehabilitasi

Sinar Harian 5/6/2022 ms 27

Perluaskan lagi kerjasama yang terjalin sejak 2020

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI BERTAM

Universiti Sains Malaysia (USM) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) mengukuhkan lagi hubungan kerjasama strategik menerusi pemeteraian Memorandum Perjanjian (MoA) antara Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) USM dan Perkeso serta perasmian Klinik Neuro-Robotics & Cybernics IPPT pada Khamis.

MoA tersebut telah ditandatangani oleh Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dr Faisal Rafiq Mahamd Adikan, manakala Perkeso pula diwakili oleh Ketua Pegawai Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat, Muhammad Amyzaddin Raya.

Pemeteraian MoA itu di-

saksikan oleh Pengarah Institut Perubatan dan Pergigian Termaju USM, Profesor Dr Tunku Kamarulzaman Tunku Zainol Abidin serta Ketua Jabatan Pengurusan Hilang Upaya dan Vokasional, Pusat Rahabilitasi Perkeso, Nazatul Akma Zawawi.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr Mohamed Azman Aziz Mohammed berkata, MoA itu akan menyediakan tujuh wad berkembar di IPPT USM dan menambah wad sedia ada di HUSM kepada 15 wad perseorangan mulai 1 September depan.

Menurutnya, inisiatif kerjasama rakan strategik antara Perkeso dengan USM telah bermula pada 17 September 2020 dengan pengoperasian Perkhidmatan Rehabilitasi Robotik di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian.

"Sebanyak enam unit *Cyberdyne Hybrid Assistive Limb* (HAL) iaitu tiga unit HAL *Lower Limb*, dua unit HAL *Single Joint* dan satu unit Lumbar telah ditempatkan di HUSM untuk merawat Orang



Klinik Neuro-Robotics & Cybernics di IPPT USM menyediakan pelbagai perkhidmatan rehabilitasi robotik yang canggih kepada pencaurum Perkeso terutama di utara tanah air.

Berinsurans Perkeso yang mengalami kecederaan saraf tunjang, strok atau keadaan neurologi lain.

"Melalui kerjasama strategik ini juga, sebanyak 10 bilik wad perseorangan korporat HUSM telah disediakan kepada pesakit yang memerlukan penginapan serta rawatan rehabilitasi intensif di sini. Sehingga kini, lebih 80 Orang Berinsurans Perkeso telah menjalani rawatan di HUSM," katanya.

Beliau berkata, USM merupakan organisasi pertama

selain Perkeso yang menyediakan rawatan teknologi Cybernics di Malaysia.

"Tahniah kepada pasukan USM dan Perkeso yang berjaya merealisasikan kerjasama ini serta penyediaan Perkhidmatan Rehabilitasi Robotik di HUSM.

"Hasil kejayaan ini telah menggerakkan inisiatif untuk mengembangkan lagi kerjasama Perkhidmatan Rehabilitasi Robotik ke IPPT di Bertam yang berjaya direalisasikan pada bulan Mac lalu," katanya.

Mohamed Azman turut ber-

harap dengan lanjutan kerjasama strategik antara USM dan Perkeso akan menjadi pemangkin kepada usaha kedua-dua organisasi berkenaan memperluaskan penyampaian perkhidmatan rehabilitasi dan rawatan neuro-robotik yang efektif, canggih serta berkualiti bukan sahaja kepada pencaurum Perkeso, malah kepada segenap lapisan masyarakat.

Sementara itu, Dr Tunku Kamarulzaman berkata, perkhidmatan rehabilitasi robotik yang ditawarkan di IPPT dapat membantu Orang Berinsurans Perkeso di utara Malaysia yang mengalami ketidakupayaan daya fizikal akibat kecederaan atau kemalangan kembali bekerja dalam masa yang singkat.

"Melalui perkhidmatan rehabilitasi robotik yang ditawarkan di Klinik Neuro-Robotics & Cybernics, ia diyakini mampu memberi kebaikan bersama bagi membantu membangunkan IPPT sebagai pusat perubatan ke peringkat yang lebih tinggi serta meningkatkan kualiti ke arah kecemerlangan USM," kata beliau.



Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah yang dihadapi boleh berbuat demikian menerusi e-mel aduan@sinarharian.com.my atau menghubungi talian 03-5101 7469

10 pagi hingga 8 malam
setiap hari

4

UTUSAN MALAYSIA
RABU • 1 JUN 2022

Dalam Negeri

Terpaksa bersaing dengan mereka yang hilang kerja, berpengalaman

Graduan bergelut cari kerja tetap

Oleh AZMI NORDIN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Graduan yang menerima skrol pada tahun 2019 hingga 2021 masih bergelut untuk mendapatkan pekerjaan tetap dan terpaksa melakukan kerja sambilan yang ditawarkan demi kelangsungan hidup.


Selain kekurangan peluang kerja, mereka perlu bersaing dengan golongan yang kehilangan kerja semasa pandemik dan juga graduan-graduan lain.

Dianggarkan antara 300,000 hingga 400,000 graduan sekurang-kurangnya memiliki diploma keluar daripada institusi pengajian tinggi setiap tahun.

Mengikut statistik terbaharu, Kementerian Sumber Manusia pula, 227,300 daripada 711,000 penganggur berusia 20 ke 24 tahun dan diikuti kumpulan usia 25 ke 29 tahun yang merekodkan 160,800 penganggur.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, lepasan diploma automotif, Amir Zamjuri, 23, berkata, gaji yang ditawarkan untuk kelulusan diploma lebih rendah daripada upah kerja sambilannya.

"Sekarang sebagai penghantar makanan sahaja boleh dapat sehingga RM3,000 sebulan, ka-



GRADUAN kini berdepan dengan persaingan sengit termasuk dari kalangan mereka yang diberhentikan kerja semasa pandemik Covid-19 untuk mendapatkan pekerjaan tetap yang setara dengan kelulusan mereka.

lau ikutkan gaji minimum yang ditawarkan ikut kursus yang dipelajari paling tinggi boleh diperoleh adalah RM2,000.

"Perancangan untuk mendapatkan kerja tetap itu ada, mungkin saya akan sambung pelajaran untuk mendapatkan

gaji yang lebih tinggi, tawaran gaji tidak berbaloi dengan kos sara hidup sekarang, buat masa sekarang saya teruskan dengan kerja ini," katanya.

Memahami kehendak semasa, graduan universiti awam tahun 2019, Azmina Nordin, 26,

kini mengikuti kelas kemahiran sebagai usaha mendapatkan pekerjaan tetap.

"Saya pelajar jurusan sains politik sukar mendapatkan tempat dalam bidang yang saya pelajari, sehingga kini juga saya masih menghantar *resume* ke

beberapa syarikat untuk mendapatkan pekerjaan yang tetap.

"Tidak cukup dengan Ijazah diperoleh sekarang, saya juga ada ambil inisiatif untuk turut serta kelas tambah kemahiran di Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera bagi menambahkan kemahiran lain untuk 'dijual' sewaktu temuduga nanti," katanya.

Sementara itu, graduan yang diberhentikan sewaktu pandemik, Wan Ilisiema Zakirah, 26, kini lebih selesa dengan bisnes yang dimilikinya berbanding kerja di bawah arahan majikan.

"Alhamdulillah, saya lebih suka kerja sendiri berbanding kerja tetap, saya tidak suka terikat dengan mana mana syarikat dan lebih suka ikut masa sendiri, bagi saya kerja sendiri lebih lumayan dan berbaloi dengan hasil penat lelah," katanya.

Dalam pada itu Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Mohd. Izzat Afifi Abd. Hamid berkata, tidak semua belia yang menganggur adalah mereka yang memilih kerja.

"Isu pengangguran ini turut berkait dengan isu padanan kerja dan isu kerja yang tidak sesuai dengan tahap kelulusan," kata beliau.

Nasional

Rabu, 1 Jun 2022 BH

UA diminta nilai semula keselamatan fasiliti kampus

Kementerian mahu setiap bangunan dalam IPT selamat diduduki pelajar

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sudah mengarahkan semua universiti awam (UA) negara ini menilai semula aspek keselamatan di fasiliti masing-masing, termasuk melaksanakan kajian menyeluruh mengenai aspek tadbir urus dan pengurusan penyelenggaraan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata ia bagi memastikan setiap bangunan dalam institusi pengajian tinggi (IPT) itu lebih selamat untuk diduduki.

Katanya, KPT memandang serius dan sentiasa memberi perhatian terhadap isu kebajikan dan keselamatan pelajar terutamanya yang berada dalam kampus.

"Pada 5 Mei lalu, saya mengarahkan semua UA di negara ini supaya menilai semula aspek keselamatan fasiliti masing-masing dan setiap IPT perlu melaksa-

nakan kajian secara menyeluruh termasuk memperkukuhkan aspek tadbir urus dan pengurusan penyelenggaraan bangunan supaya lebih selamat untuk diduduki.

"Susulan itu, kementerian menerusi mesyuarat dipengerusikan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datuk Prof Dr Husaini Omar bersama semua Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Awam sudah meminta supaya isu membabitkan penyelenggaraan bangunan dan keselamatan pelajar di semua UA diteliti," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, gabungan 19 pertubuhan mahasiswa menuntut mutu keselamatan di setiap universiti dalam negara diperkemas dan dipertingkatkan untuk mengelak kemalangan yang boleh meragut nyawa penuntut.

Kumpulan pertubuhan yang

menggelar diri mereka sebagai Sekretariat Mahasiswa Marhaen itu turut menyesali beberapa insiden kemalangan yang sudah berlaku di kampus serata Malaysia, yang berpunca daripada kerosakan fasiliti, yang bukan hanya membahayakan kesihatan fizikal, malah mental bakal graduan.

Gabungan itu menyatakan antara kes yang dikesan adalah pelajar tergelincir dari tingkat lapan ketika ingin mengambil baju di ampaian di sebuah desa siswa universiti di sebuah pulau.

Tragedi itu berpunca daripada kegagalan pihak pentadbiran dalam merancang pelan, maklum balas aduan dan membaiki fasiliti sedia ada.

Mengulas lanjut, Noraini berkata, kementerian juga menggesa agar fungsi Unit Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di setiap IPT diperkasakan.

"Saya ingin tegaskan bahawa soal keselamatan dan kebajikan pelajar sentiasa jadi keutamaan KPT dalam pastikan pembelajaran mahasiswa di kampus berada dalam keadaan selamat dan sejahtera"

Noraini Ahmad,
Menteri Pengajian Tinggi



"Saya ingin tegaskan bahawa soal keselamatan dan kebajikan pelajar sentiasa menjadi keutamaan KPT dalam memastikan suasana pembelajaran mahasiswa di kampus berada dalam keadaan selamat dan sejahtera," katanya.

Pada 26 April lalu, seorang pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang meninggal dunia selepas terjatuh dari tingkat lapan Desa Siswa Tekun, George Town, Pulau Pinang.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Soffian Santong, mengesahkan pelajar Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan berusia 22 tahun itu dipercayai tergelincir ketika mahu mengambil pakaiannya yang terjatuh daripada ampaian.

Pada 13 Mei, seorang pelajar sebuah universiti tempatan berdepan detik cemas apabila kipas siling di dalam bilik yang mengalami kerosakan terbakar ketika digunakan.

Video itu kemudian tular di media sosial kerana pelajar itu mendakwa tiada sebarang tindakan diambil oleh pihak pengurusan asrama meskipun dua kali laporan dibuat.

Pada 25 Mei pula, seorang pelajar lelaki cedera selepas terkena renjatan elektrik di Gi-MARA Sekinchan selepas memegang corong peniup di kawasan itu yang dilanda banjir kilat.

Harian Metro | Rabu 01.06.2022

@hmetromy

ms 17

PM luang masa 30 minit bersama warga KPT

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam, menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri bersama warga Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di sini.

Ismail Sabri tiba jam 12.50 tengah hari, disambut Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Antara tetamu yang hadir ialah Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin.

Ismail Sabri meluangkan masa 30 minit di majlis dihadiri 5,000 tetamu, terdiri warga KPT, pelajar institut pengajian tinggi, ahli lembaga pengarah universiti, naib canselor, wakil industri dan pemimpin tempatan.



ISMAIL Sabri hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri bersama warga KPT.

Membudayakan integriti penyelesaian rasuah

Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my



Ketua Laboratori Belia Dalam Kepimpinan, Politik dan Kewarganegaraan, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM)

Isu integriti dan tadbir urus dalam kalangan penjawat awam, termasuk agensi penguatkuasaan jika tidak dibendung, ia mampu menjadi barah merebak ke seluruh organisasi hingga akhirnya menyebabkan perkhidmatan awam dipandang hina dan jelek oleh masyarakat.

Modenisasi diakui antara faktor menyumbang perubahan dalam sistem nilai masyarakat hingga mewujudkan sikap tidak bertanggungjawab dan tidak berintegriti.

Oleh itu, kerajaan melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi memperbaiki integriti dan membantaras rasuah, sekali gus membendung salah guna kuasa, birokrasi, campur tangan ahli politik serta memperkemaskan tadbir urus kerajaan. Inisiatif ini disasarkan menjadi panduan pengurusan pentadbiran kerajaan, terutama memperbaiki kelemahan dan mengelak sistem dimanipulasi serta mengukuhkan integriti pegawai kerajaan.

Walaupun pelan menyeluruh ini sepatutnya menjadi tunjang utama pembanterasan rasuah di negara ini, malangnya pelaksanaan NACP tersekat-sekat dengan banyak inisiatif masih tertangguh. Lantaran, pelaksanaan NACP perlu dinilai semula dengan mengambil kira perkembangan kebelakangan ini, termasuk kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2021, apatah lagi Laporan Semakan Semula Separuh Penggal NACP 2019-2023 dibentangkan baru-baru ini, mencatatkan

hanya 33 peratus inisiatif dicapai.

Penurunan kedudukan Malaysia dalam CPI 2021 adalah realiti pahit, tetapi perlu diterima hati terbuka, selain menjadi isyarat penting kepada perkhidmatan awam dan swasta di negara ini untuk meneruskan tekad membanteras gejala berkenaan.

Semua ini memperlihatkan, usaha memperkasa tadbir urus baik dalam kerajaan, pengukuhan integriti kakitangan awam dan pemantapan usaha antirasuah dalam pentadbiran kerajaan dan korporat perlu dilipatgandakan supaya hasrat membasmi rasuah dan meningkatkan imej perkhidmatan awam dan korporat serta menjadikan Malaysia sebagai negara bersih rasuah dan dihormati dapat direalisasikan.

Hakikatnya, pelaksanaan semua inisiatif NACP memerlukan komitmen, dedikasi dan kerjasama semua peringkat dalam kerajaan mahupun korporat.

Dua institusi penting perlu digerakkan secara agresif bagi mencapai objektif NACP adalah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM).

SPRM berperanan sebagai badan pelaksana berkuasa melakukan pendakwaan berkaitan rasuah, manakala IIM berperanan membangun dan menjalankan agenda pembudayaan integriti dalam agensi kerajaan, korporat serta komuniti setempat.

Selanjutnya, pelaksanaan Pelan Tadbir Urus Baik Nasional (MyGovernance) juga dilihat dapat membantu agensi kerajaan mengatasi isu ketemahan tadbir urus, integriti, ketirisan, ketidakceapan sistem penyampaian perkhidmatan awam, isu ketelusan dan kerenah birokrasi dalam pentadbiran kerajaan.

Ia juga bertujuan memastikan penggunaan sumber secara cekap dan berkesan serta memantapkan

integriti, nilai dan etika organisasi untuk menghasilkan budaya kerja cemerlang, sejajar dengan antara strategi utama Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) ke arah memperkukuh penyampaian perkhidmatan sektor awam menerusi peningkatan ekosistem tadbir urus baik.

Justeru, agenda membangunkan MyGovernance dan pelaksanaan pelbagai inisiatif di bawah NACP secara berterusan diharap berupaya mengembalikan keyakinan orang awam serta masyarakat antarabangsa terhadap institusi kerajaan.

Paling utama, semua ketua jabatan dan penjawat awam perlu melipatgandakan usaha memperkukuhkan integriti serta tadbir urus menerusi pelaksanaan inisiatif di bawah pelan antirasuah organisasi (OACP) yang dibangunkan agensi masing-masing.

Rasuah berkait rapat dengan integriti, kita semua perlu bertekad dan bekerja keras membanteras rasuah dengan membudayakan integriti yang tinggi dalam kalangan agensi dan individu, sama ada dalam perkhidmatan awam atau swasta.



MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Jumaat, 17 Jun 2022 **BH**

Manfaatkan data perkasa penyampaian khidmat kerajaan

• Produk data bantu kerajaan gubal polisi, rancang berdasar keperluan semasa, masa depan

• Cabaran tangani data untuk tujuan penyimpanan atau pemprosesan perlu diurus sewajarnya

• Data perlu diguna secara etika, diurus selamat dan selari dengan undang-undang



Oleh Dr Norlida Ramli
bhrencana@bh.com.my

Data ialah aset berharga kepada perkhidmatan awam sebagai elemen penting memperkasa penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat. Ini kerana data ialah sumber asas penghasilan maklumat dalam membantu kerajaan memahami keperluan semasa dan masa hadapan, sekali gus membuat keputusan tepat secara cekap serta berkesan.

Ini terbukti melalui Rancangan Malaysia Ke-11 2016-2020 (RMK-11) seperti dinyatakan dalam Bab 9, Bidang Fokus A: Mempertingkatkan Penyampaian Perkhidmatan dengan Mengutamakan Rakyat, di bawah Strategi A3 - Memanfaatkan Data Bagi Meningkatkan Outcome dan Mengurangkan Kos.

Bagi tujuan pemanfaatan data, kerajaan melaksana dan memperkukuh inisiatif data terbuka serta analisis data raya terhadap seluruh agensi sektor awam. Kedua-dua inisiatif ini masing-masing dikenali sebagai Data Terbuka Sektor Awam (DTSA) dan Data Raya Sektor Awam (DRSA).

Melalui inisiatif DTSA, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) membangunkan Portal Data Terbuka (www.data.gov.my) sebagai platform memudahkan data terbuka kerajaan diakses secara berpusat daripada sumber rasmi. Bermula hanya 115 set data pada 2014, kini 12,683 set data terbuka menjadi rujukan pelbagai pihak termasuk industri, akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), penyelidik, pelajar dan orang awam.

Data terbuka dirujuk ini didefinisikan sebagai data kerajaan boleh digunakan secara bebas, dikongsi dan digunakan semula oleh rakyat, agensi sektor awam serta swasta bagi sebarang tujuan. Penyediaan data terbuka oleh agensi sektor awam membabitkan penilaian teliti terhadap data bagi memastikan pematuan kepada perundangan, peraturan dan polisi berkuat kuasa.

Ketersediaan dan kebolehcapaian data terbuka kerajaan menunjukkan ketelusan perkhidmatan awam dalam meningkatkan kebolehgunaan data melalui penghasilan produk data sama ada dalam bentuk sistem aplikasi, penyelidikan atau hasil analisis data.

Melalui pertandingan data terbuka dianjurkan MAMPU, iaitu gabungan Hackathon Data Terbuka dan Hackathon Aplikasi Mudah Alih yang kini dikenali sebagai *Challenge on Innovation and Problem solving through Technology Advancement* (CHIP-TA), banyak inovasi dalam bentuk aplikasi berjaya dibangunkan.

Maklumat dan pengetahuan diperoleh daripada inovasi data terbuka meningkatkan keupayaan kerajaan untuk memberikan perkhidmatan lebih produktif, proaktif dan inklusif.

Berbeza dengan inisiatif DTSA, DRSA dipelopori MAMPU ini adalah berkaitan analisis pelbagai jenis data sama ada berstruktur, separa berstruktur atau tidak berstruktur. Analisis dibuat terhadap data sistem aplikasi, teks, imej, audio, video, fail log dan media sosial akan menghasilkan pengetahuan atau maklumat berbentuk deskriptif, diagnostik, prediktif dan preskriptif.

Antara produk DRSA dibangunkan ialah Analisis Data Raya Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi mengenal pasti trend tindakan penguatkuasaan serta meningkatkan perancangan operasi dan pembudayaan pematuan peraturan jalan raya.

Sistem Cartelogy, Kementerian Kewangan pula dibangunkan untuk memperkukuh pengurusan perolehan kerajaan. Melalui sistem ini, corak hubungan antara pembekal dan tender serta sebut harga disertai boleh dikenal pasti, seterusnya dapat mengesan potensi pakatan harga serta risiko rasuah dan monopoli pembekal dalam perolehan kerajaan.

Penggunaan produk data ini memberi impak besar kepada kerajaan kerana hasil analisis data membantu kerajaan dalam menggubal polisi serta merancang pelan tindakan berdasarkan keperluan semasa dan masa hadapan dengan lebih baik. Pencapaian DRSA tidak terhad terhadap pembangunan produk data tetapi juga termasuk penyediaan platform guna sama, metodologi, rangka kerja, tadbir urus dan garis panduan pelaksanaan DRSA.

Selain itu, khidmat nasihat dan perundangan diberikan turut membantu dalam memberi pendedahan serta bimbingan bagi menggalakkan agensi sektor awam melaksanakan analisis data raya di agensi masing-masing.

Kompetensi penjawat awam juga dapat ditingkatkan melalui program latihan, kursus pensijilan dan bimbingan pembangunan produk data bagi membangunkan modal insan berkemahiran dalam analisis data raya.

Selain DTSA dan DRSA, kerajaan juga melihat aspek penggunaan semula data merentas agensi bagi mengurangkan pertindihan pengutipan data serta memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan merentas agensi.

Rentetan itu, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2021 - Dasar Perkongsian Data Sektor Awam dibangunkan. Pekeliling ini memberi panduan pelaksanaan perkongsian data merentas agensi ke arah penyampaian perkhidmatan bersepadu dan berpacuan data.

Antara inisiatif ditekankan dalam pekeling ini ialah penggunaan standard Data Dictionary Sektor Awam (DDSA) (sdds.mampu.gov.my), iaitu stan-

dard berkaitan data bagi menyokong saling kendali.

Pada 2002, DDSA dibangunkan MAMPU menyediakan standard definisi bagi sesuatu elemen data dan standard format data (saiz dan jenis medan). Antara elemen data boleh dirujuk ialah nama, alamat tetap dan negeri merangkumi data spesifik serta generik. Contoh definisi elemen data bagi nama ialah 'nama seperti dalam kad pengenalan'; mereka belum memperoleh kad pengenalan (nama seperti dalam sijil lahir) dan bagi warganegara asing (nama seperti dalam pasport).

Selain itu, DDSA turut menyediakan data rujukan kepada elemen data tertentu seperti data rujukan jantina, agama dan negara. Sungguhpun DDSA dilaksanakan hampir 20 tahun, ia masih relevan menjadi rujukan pelbagai pihak sama ada penjawat awam mahupun orang awam. DDSA kini dalam proses penambahbaikan bagi meningkatkan potensinya selari dengan perkembangan teknologi digital dan evolusi data.

Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) serta data memberikan keupayaan baharu kepada kerajaan untuk menjangkakan perkara mungkin akan berlaku pada masa hadapan. Sesuatu tindakan dapat dirangka kerajaan bagi mencapai sesuatu tujuan atau mengelakkan sesuatu perkara daripada berlaku. Namun, kemajuan dan revolusi teknologi seperti penggunaan internet benda (IoT) turut menyumbang kepada ledakan data.

Oleh itu, cabaran menangani data sama ada bagi tujuan penyimpanan atau pemprosesan perlu diurus sewajarnya bagi memastikan aset data dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Data juga perlu digunakan secara beretika selari prinsip Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia yang menyanakan data dan peralatan digital perlu digunakan secara beretika.

Justeru, data seperti wang, perlu diuruskan selamat dan selari dengan perundangan sedia ada agar integriti data terpelihara bagi merealisasikan potensi serta manfaat data sepenuhnya.

Usaha pengurusan dan pemanfaatan data berterusan adalah penting kepada sektor awam serta negara dan diambil kira dalam perancangan strategik hala tuju masa hadapan seperti dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, iaitu di Teras Strategik 1: Memacu Transformasi Digital Sektor Awam; Strategi 4: Memanfaatkan data untuk menambah baik perkhidmatan kerajaan.

Diharapkan melalui pemanfaatan data, penyampaian perkhidmatan kerajaan boleh terus diperkasakan bagi memperkukuh landasan pembangunan negara bagi mencapai objektif Malaysia Makmur, Inklusif dan Mampan berlandaskan semangat Keluarga Malaysia.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Dalam Negeri



Dokumen RPP-2 membantu pihak berkuasa mengawal impak pembangunan dan mengurangkan kesan geobencana. RPP-2 menggariskan pembangunan berdaya tahan terhadap risiko bencana, aset ekologi dan perkhidmatan ekosistem lestari, tadbir urus kukuh dan efektif serta komuniti peka dan berupaya ikhtiar."

DATO' SRI REEZAL MERICAN NAINA MERICAN
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan



PLANMalaysia garis pengurusan risiko geobencana kawasan pantai

PETALING JAYA: Zon persisiran pantai adalah antara kawasan yang menerima impak perubahan iklim yang paling ketara, terutamanya kenaikan paras air laut yang memberikan ancaman serius kepada habitat dan komuniti pesisir pantai.

Ini termasuk pembanjiran dan hakisan pantai yang dijangka menjejaskan kehidupan 4.11 juta orang penduduk.

Dianggarkan 426km (11 peratus) daripada 3,853km panjang pantai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan mengalami hakisan atau terdedah dengan bencana.

Dengan kenaikan paras air laut sehingga 0.5m menjelang 2100, dijangka sebanyak 33,562 hektar kawasan pembangunan bakal terjejas (termasuk lima lapangan terbang dan lapan pelabuhan utama) serta 123,057 hektar kawasan pembangunan berdepan dengan risiko tsunami.


Sehubungan itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican berkata, suatu pelan induk khusus bagi memberi panduan pembangunan di zon persisiran pantai negara telah disediakan oleh PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) iaitu Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RPP).

"RPP-1 telah disediakan pada tahun 2012 dan merupakan suatu kajian terhadap risiko bencana banjir, hakisan pantai dan pemetaan kawasan sensitif alam sekitar yang memberi penumpuan kepada kawasan-kawasan persisiran pantai yang belum mempunyai Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (ISMP).

"Semua perkara ini telah diselaraskan dan diintegrasikan semula dalam Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara-2 atau RPP-2," katanya.

Reezal Merican berkata, RPP-2 memberikan tumpuan kepada aspek perancangan risiko geobencana, ciri fizikal muka bumi, aset biodiversiti

SEMANJUNG MALAYSIA & W.P. LABUAN Kawasan Risiko Geobencana di Zon Persisiran Pantai



dan aktiviti sosio-ekonomi bagi kawasan persisiran pantai.

"Secara induktif, zon persisiran pantai meliputi kawasan sejauh 5km ke arah darat dan tiga batu nautika ke arah laut dari zon pasang surut yang turut merangkumi kawasan persisiran pantai di pulau pembangunan, pulau peranginan, serta pulau taman laut.

"Tempoh perancangan yang telah

ditetapkan untuk RPP-2 ini adalah sehingga tahun 2040," katanya.

Katanya, fungsi RPP-2 adalah mengenal pasti sesuatu projek bagi memperkukuhkan ketahanan kawasan persisiran pantai, menyokong pelaksanaan dokumen rancangan pemajuan seperti rancangan struktur dan rancangan tempatan, membantu

pihak berkuasa negeri dan tempatan dalam mengawal impak pembangunan dan geobencana serta mengukuhkan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang.

"RPP-2 menggariskan program pelan komuniti bagi meningkatkan kesiapsiagaan mendepani risiko bencana persisiran pantai di samping

melahirkan komuniti yang peka dalam konservasi alam sekitar," kata Reezal Merican.

Sementara itu Ketua Pengarah PLANMalaysia, TPr Dr. Alias Rameli berkata, dokumen ini juga turut menghasilkan Indeks Kerapuhan Persisiran Pantai atau Coastal Vulnerability Index (CVI) berdasarkan sumber data sekunder pihak jabatan atau agensi yang berkepentingan seperti Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dan lain-lain lagi.

Katanya, terdapat tiga komponen CVI bagi RPP-2 iaitu CVI Fizikal yang diwakili oleh tujuh parameter antaranya, geomorfologi, hakisan, kenaikan paras air laut dan risiko tsunami.

"Komponen kedua ialah CVI Biodiversiti yang terdiri daripada parameter biodiversiti marin dan komponen terakhir ialah CVI Sosio-Ekonomi yang diwakili oleh tujuh parameter antaranya jumlah penduduk, kemudahan dan institusi, infrastruktur, kawasan pertanian, warisan dan pelancongan.

"Selanjutnya, tiga komponen CVI ini telah digabungkan bagi penghasilan satu ukuran komposit iaitu, Indeks Kerapuhan Persisiran Pantai Negara atau National Coastal Vulnerability Index (NCVI) yang akan menentukan tahap risiko bencana kawasan persisiran pantai," katanya.

RPP-2 juga kata beliau, telah menggariskan empat teras utama iaitu pembangunan berdaya tahan terhadap risiko bencana, aset ekologi dan perkhidmatan ekosistem lestari, tadbir urus kukuh dan efektif serta komuniti peka dan berupaya ikhtiar.

"Empat teras utama ini diperincikan kepada 16 strategi dan 34 tindakan utama serta 82 inisiatif yang mencadangkan pelbagai projek atau program yang boleh dilaksanakan di pelbagai peringkat; agensi persekutuan, pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan," katanya.

Biodata Yang di-Pertuan Agong XVI dan Raja Permaisuri Agong



Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 bagi tempoh lima tahun berkuat kuasa 31 Januari 2019.

Pemilihan Seri Paduka Baginda dibuat pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-251 (Khas) di Istana Negara.

BIODATA YANG DI-PERTUAN AGONG

Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah diputerakan pada 30 Julai 1959 di Istana Mangga Tunggal, Pekan, Pahang.

PENDIDIKAN

1965: Pra-sekolah di Sekolah Clifford, Kuala Lipis, Pahang

1966-1969: Sekolah Kebangsaan Ahmad, Pekan, Pahang.

1970-1974: Sekolah Rendah Kebangsaan St Thomas dan Sekolah Menengah Kebangsaan St Thomas, Kuantan, Pahang

1975-1977: Aldenham School, Elstree, Hertfordshire, United Kingdom.

1978-1979: The Royal Military Academy Sandhurst, United Kingdom

1980-1981: Worcester & Queen Elizabeth College, United Kingdom. Dianugerahkan Diploma In International Relations And Diplomacy

1980: Leftenan Muda, Royal Military Academy, Sandhurst, England (ditauliahkan oleh Ratu Elizabeth II)

1 Mei 1999: Leftenan Kolonel, Rejimen 505 Askar Wataniah

1 Jun 2000: Kolonel Rejimen 505 Askar Wataniah

1 April 2004: Brigadier Jeneral, Komander Rejimen 505 Askar Wataniah

PELANTIKAN TENGGU MAHKOTA PAHANG

1 Julai 1975, baginda dilantik menjadi Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang dan kemudiannya dimasyhurkan pada 23 Oktober 1977 di Istana Abu Bakar Pekan.

PELANTIKAN PEMANGKU RAJA PAHANG

Di usia 20 tahun, baginda telah dilantik menjadi Pemangku Raja Pahang pada 28 April 1979, untuk tempoh lima tahun iaitu selama tempoh Seri Paduka Ayahanda Baginda, Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, menjadi Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong VII.

Pada 8 Disember 2016, baginda sekali lagi dilantik menjadi Pemangku Raja Pahang sehingga 11 Januari 2019 iaitu setelah Jumaah Pangkuan Diraja Negeri memutuskan untuk melantik baginda sebagai Sultan Pahang Keenam.

SUKAN

Baginda begitu meminati bidang sukan dan ketika di England, baginda mengetuai Pasukan Polo Diraja Pahang dalam perlawanan antarabangsa di Windsor Polo Club, England, seterusnya mengambil bahagian dalam pertandingan di Singapura, Manila, Filipina, Brunei, Argentina, Amerika Syarikat, Sepanyol dan Belgium.

Di Pekan, baginda menubuhkan pasukan bola sepak sendiri dinamakan Pasukan Sri Mahkota Alam dan baginda juga meminati sukan lain seperti golf, go-kart dan penerbangan ultralight.

JAWATAN DISANDANG

- Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
- Yang Dipertua Badan Kebajikan Kerabat-Kerabat Negeri Pahang
- Canselor Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
- Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP)
- Canselor Universiti Teknologi MARA (UITM)
- Canselor Universiti Automotif DRB-HICOM Malaysia
- Pernah menyandang jawatan Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM)

PENCAPAIAN

- Pengerusi Jawatankuasa Penganjur 1997 FIFA World Youth Championship
- Ahli Jawatankuasa Penganjur 2003 FIFA Confederations Cup, Paris
- Pengerusi Jawatankuasa Penganjur 2011 FIP Polo World Cup, Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa Penganjur 2012 FIH Congress, Kuala Lumpur
- Pengerusi 2015 AFC Asian Cup Australia
- Ahli Jawatankuasa Penganjur 2018 World Cup, Russia



BIODATA RAJA PERMAISURI AGONG

Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj diputerikan pada hari Jumaat, 5 Ogos 1960 di Istana Bukit Stulang, Johor Bahru, Johor.

PENDIDIKAN

1962-1966: Menerima pendidikan awal di Sekolah Taman Kanak-Kanak Tunku Ampuan Mariam Johor Bahru

1967-1972: Sekolah Rendah Perempuan Sultan Ibrahim, Johor Bahru

1973-1979: Sekolah Tun Fatimah

1982-1983: Sains Politik dan Kemasyarakatan di Universiti Kebangsaan Singapura

PENAUNG

- Penaung Persatuan Pandu Puteri Malaysia
- Presiden Persatuan Pandu Puteri Negeri Pahang
- Pengerusi Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negeri Pahang
- Pengerusi Seumur Hidup Yayasan Fertiliti Tunku Azizah (TAFF)

BUKU RESIPI

1. Air Tangan Tengku Puan Pahang
2. Air Tangan Tengku Puan Pahang - Masakan Tradisional Pahang
3. Air Tangan Tengku Puan Pahang - Manisan Tradisional Pahang

Senarai nama-nama Yang di-Pertuan Agong



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong I
Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad
Negeri Sembilan
(31 Ogos 1957
- 1 April 1960)



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong II
Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah
Negeri Selangor
(14 April 1960
- 1 September 1960)



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong III
Almarhum Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail
Negeri Perlis
(21 September 1960
- 20 September 1965)



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong IV
Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin
Negeri Terengganu
(21 September 1965
- 20 September 1970)



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong V
Almarhum Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah
Negeri Kedah
(21 September 1970
- 20 September 1975)



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong VI
Almarhum Tengku Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim
Negeri Kelantan
(21 September 1975
- 29 Mac 1979)



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong VII
Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah
Negeri Pahang
(26 April 1979
- 25 April 1984)



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong VIII
Almarhum Sultan Iskandar ibni Almarhum Sultan Ismail
Negeri Johor
(26 April 1984
- 25 April 1989)



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong IX
Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yusuff Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah
Negeri Perak
(26 April 1989
- 25 April 1994)



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong X
Almarhum Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman
Negeri Sembilan
(26 April 1994
- 25 April 1999)



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XI
Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj
Negeri Selangor
(26 April 1999
- 21 November 2001)



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XII
Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail
Negeri Perlis
(13 Disember 2001
- 12 Disember 2006)



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIII
Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah
Negeri Terengganu
(13 Disember 2006
- 12 Disember 2011)



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV
Almarhum Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah
Negeri Kedah
(13 Disember 2011
- 12 Disember 2016)



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV
Sultan Muhammad V
Negeri Kelantan
(13 Disember 2016
- 6 Januari 2019)



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI
Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah
Negeri Pahang
(7 Januari 2019 - Kini)

Malaysia adalah antara negara di dunia yang masih mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan dan ia merupakan warisan sistem politik yang masih kekal sehingga ke hari ini.

Institusi Beraja di Malaysia adalah satu institusi tradisional yang sedia ada sebagai teras sistem pemerintah dan pentadbiran sesebuah kerajaan Melayu, yang telah muncul berabad-abad lamanya.

Institusi Raja yang bertapak di negara ini telah mengalami evolusi daripada sistem Beraja Mutlak kepada sistem Raja Berperlembagaan.

Menurut konsep Raja Berperlembagaan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Negara dan mempunyai bidang kuasa yang luas seperti yang dikanunkan dalam Perlembagaan.

Baginda juga mempunyai peranan dan fungsi dalam tiga cabang kerajaan iaitu Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman.

Sementara itu, di peringkat Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak atas nasihat Jemaah Menteri yang diketuai oleh Perdana Menteri dalam semua perkara kecuali dalam beberapa perkara yang disebut sebagai kuasa budi bicara.



WARTAWAN
Nor'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

GRAFIK
Salim Dawam
norsalim@hmetro.com.my

PESAWAT PEJUANG SUKHOI SU-30MKM

- Pesawat tempur pelbagai peranan terancang generasi **keempat dan kelima**.
- **Buatan Russia.**
- Malaysia terima pesawat SU-30MKM yang **pertama** pada **2003**.
- Malaysia memiliki **18 unit** pesawat ini.

SPESIFIKASI



Anak kapal
2



Panjang 21.936m

Loji kuasa
2 AL-31FL,
enjin kipas turbo,
123 kilonewton
(kN)

Berat kosong
17,700 kilogram

Berat maksimum
ketika berlepas
38,800 kilogram

Tinggi
6.36m



Rentang sayap 14.7m

Luas sayap
62m persegi



Senjata

- Meriam 30mm
- Peluru berpandu
- Rocket

Kelajuan maksimum
2,120 km/j

Kadar
kenaikan
230 meter
per saat

Daya
tujahan
1.0

ASET



Pesawat tempur F/A-18D Hornet
Pesawat tempur moden.



Pesawat angkut A400M
Untuk mengangkut tentera dan penangkai yang dikuasakan dengan empat enjin.



Aermacchi MB-339
Pesawat latihan lanjutan dan tempur ringan.



Sikorsky S-70 Black Hawk
Sebagai pengangkutan VIP.



Pesawat tempur Su-30 MKM
Pesawat tempur pelbagai peranan terancang.



Lockheed C-130H-30 Hercules
Pengangkutan taktikal termasuk pergerakan anggota antara Sabah dan Sarawak juga Semenanjung Malaysia.



Pesawat latihan PC-7 MKII
Pesawat latihan asas.



Augusta Sikorsky AS61A-N1
Pesawat VIP.



Hawk 208
Pesawat serangan ringan.



Lockheed KC-130T
Pesawat penangkai untuk pengisian minyak di udara.



MD3-160 Aerotiga
Pesawat udara aerobatik sepenuhnya yang digunakan untuk latihan penerbangan.



Eurocopter EC 725
• Menggantikan helikopter Nuri.
• Pesawat ini digunakan untuk bantuan kemanusiaan dan bencana.



Hawk 108
Pesawat latihan lanjutan.



CN-235-220M
Melakukan tugas latihan payung terjun.



Helikopter EC 725 AP
• Helikopter pengangkut jarak jauh
• Helikopter pengangkut taktikal.



Beechcraft Super King Air B200T MPA
Pesawat ringan dua enjin untuk rondaan pesisir pantai dan laut.



CTRM Eadler ARV (UAV)
Digunakan untuk melakukan tinjauan udara.



ASET DALAM PEROLEHAN

i- **Sistem pesawat tanpa pemandu (UAS) Medium Altitude Long Endurance (MALE-UAS)**
Dijangka akan mula beroperasi pada 2024/2025.

ii- **Pesawat Rondaan Maritim (MPA)**
Dijangka beroperasi pada 2025.

iii- **Satu sistem radar pertahanan udara**

iv- **Pesawat tempur ringan dwifungsi 'Fighter-Lead-In-Trainer/Light Combat Aircraft' (FLIT-LCA)**

v- **Tiga Sistem Radar Pertahanan Udara Jarak Jauh (LORAD)**

ASET DALAM PERANCANGAN

• Sistem pertahanan udara jarak sederhana (MERAD)

FASA PEMODENAN ASET

I- FASA PERTAMA (2021 HINGGA 2030)

- Medium Altitude Long Endurance Unmanned Aerial System (MALEUAS).
- Pesawat Rondaan Maritim (MPA).
- 'Fighter Lead-In Trainer/Light Combat Aircraft' (FLIT/LCA).
- Penggantian Radar Pertahanan Jarak Jauh.
- Sistem peluru berpandu pertahanan udara jarak sederhana (MERAD).
- Pesawat F/A-18C/D.

II- FASA KEDUA (2031 HINGGA 2045)

- Penggantian pesawat 'Multi Role Transport Tanker' (MRTT).
- Pesawat pengangkut taktikal ringan.

III- FASA KETIGA (2046 HINGGA 2055)

- Penggantian pesawat pengangkut C-130H.
- Perolehan pesawat 'Airborne Early Warning and Control' (AEWC).

2020
2030
2040
2050
2055